



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 28 FEBRUARI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	MAFI TARIK POTENSI PELABURAN RM455 JUTA, BISNES SINAR, SH -36 MAFI TARIK RM455 JUTA POTENSI PELABURAN DI EKSPLO 2020 DUBAI, UTUSAN SARAWAK -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	26 FISHING VESSELS SEIZED BY MMEA, PERAK FISHERIES, NEWS IN BRIEF, NST -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6. 7. 8. 9.	TANAMAN SAYUR SECARA FERTIGASI DI HOTEL, DALAM NEGERI, UM -30 PROJEK CILI ASNAF DITENGGELAMI BANHR, DALAM NEGERI, UM -29 ANGKASA KERJASAMA TERNAK BIRI-BIRI, KOSMO, NEGARA -16 KPDNHEP SIASAT TELUR, AYAM KURANG DI KOTA TINGGI, KOSMO, NEGARA -16 BEKALAN AYAM, TELUR KURANG, LOKAL, HM -22 GREEN THUMB, MUKA DEPAN, THE STAR -1	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## MAFI tarik potensi pelaburan RM455 juta

**DUBAI-** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berjaya menarik potensi pelaburan dengan nilai RM455 juta menerusi penganjuran Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung dari 21 Februari lepas hingga hari ini.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata potensi nilai pelaburan itu melebihi sasaran awal kementerian iaitu RM350 juta seterusnya menyifatkan penganjuran minggu tersebut sangat berjaya.

Beliau berkata potensi itu dicapai menerusi pemeteraian 12 Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dengan syarikat tempatan melibatkan kerjasama teknikal, pelaburan, penyediaan fasiliti perniagaan (*business facilitation*) selain penyelidikan dan pembangunan.

“Selain itu, kita telah mengadakan 70 padanan perniagaan berbanding sasaran 50 dan semua usaha ini telah lama MAFI mulakan termasuklah dengan melancarkan laman mikro pertanian lestari yang memaparkan latar belakang lebih 40 syarikat berkaitan pertanian.



HASLINA HAMID

“Ada juga beberapa negara menyatakan minat untuk mengadakan fasiliti perniagaan berkaitan industri pertanian seperti Namibia, Mexico, Surinam, Slovakia, Jepun, India, Jerman dan Maldives,” katanya kepada media Malaysia pada Sabtu.

Menurut Haslina selain berjaya mewujudkan kerjasama perniagaan, Minggu

Pertanian Lestari itu juga merupakan platform terbaik untuk syarikat Malaysia meluaskan pasaran halal bukan sahaja di sini atau Emiriah Arab Bersatu (UAE), malah ke pasaran Timur Tengah.

Beliau berkata aktiviti yang diadakan sepanjang minggu termasuk demonstrasi masakan tempatan, ukiran serta edaran buah-buahan tempatan seperti durian, nangka, pamelon dan jambu batu berjaya menarik kira-kira 40,000 orang pelawat ke Pavilion Malaysia.

Haslina turut terima kasih kepada semua pihak menjayakan Minggu Pertanian Lestari termasuk Malaysian Bioeconomy Development Corporation sebagai agensi pelaksana serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku peneraju Malaysia di Ekspo 2020 Dubai. - *Bernama*



28 FEB, 2022

## MAFI tarik RM455 juta potensi pelaburan di Ekspo 2020 Dubai

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

**MAFI-EKSP0**



### MAFI tarik RM455 juta potensi pelaburan di Ekspo 2020 Dubai

menerusi penganjuran Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung dari 21 Februari lepas hingga kelmarin (26 Februari).

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, potensi nilai pelaburan itu melebihi sasaran awal kementerian iaitu RM350 juta seterusnya menyifatkan penganjuran minggu tersebut sangat berjaya.

Beliau berkata, potensi itu dicapai menerusi pemeteraian 12 Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dengan syarikat tempatan melibatkan kerjasama teknikal, pelaburan, penyediaan fasiliti perniagaan (business facilitation) selain penyelidikan dan pembangunan.

"Selain itu, kita telah mengadakan 70 padanan perniagaan berbanding sasaran 50 dan semua usaha ini telah lama MAFI mulakan termasuklah dengan melancarkan laman mikro pertanian lestari yang memaparkan latar belakang lebih 40 syarikat berkaitan pertanian.

"Ada juga beberapa negara menyatakan minat untuk mengadakan fasiliti perniagaan berkaitan industri pertanian seperti Namibia, Mexico, Surinam, Slovakia, Jepun, India, Jerman dan Maldives," ketanya kepada media Malaysia di sini, baru-baru ini.

Menurut Haslina selain berjaya mewujudkan kerjasama perniagaan, Minggu Pertanian Lestari itu juga merupakan platform terbaik untuk syarikat Malaysia meluaskan pasaran halal bukan sahaja di sini atau Emiriah Arab Bersatu (UAE), malah ke pasaran Timur Tengah.

Beliau berkata, aktiviti yang diadakan sepanjang minggu termasuk demonstrasi masakan tempatan, ukiran serta edaran buah-buahan tempatan seperti durian, nangka, pampelo dan jambu batu berjaya menarik kira-kira 40,000 orang pelawat ke Pavilion Malaysia.

Haslina turut benta kasih kepada semua pihak yang menjayakan Minggu Pertanian Lestari termasuk Malaysian Bioeconomy Development Corporation sebagai agensi pelaksana serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku peneraju penyertaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai. - Bernama

**DUBAI:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berjaya menarik potensi pelaburan dengan nilai RM455 juta



28 FEB, 2022

## MAFI tarik RM455 juta potensi pelaburan di Ekspo 2020 Dubai

[Utusan Sarawak, Malaysia](#)

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Menarik potensi pelaburan dengan nilai RM455 juta menerusi penganjuran Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung dan 21 Februari lepas hingga kelmarin (26 Februari). Potensi itu dicapai menerusi pemeteraian 12 Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dengan syarikat tempatan melibatkan kerjasama teknikal, pelaburan, penyediaan fasiliti perniagaan (business facilitation) selain penyelidikan dan pembangunan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2022	NST	NEWS IN BRIEF	14

## 26 fishing vessels seized by MMEA, Perak Fisheries

**LUMUT:** Twenty-six fishing vessels were seized by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) and Perak Fisheries Department under Op Mardof 1/22 between Jan 15 and Friday. Deputy director-general (operations) Rear Admiral Datuk Kamaruzaman Abu Hassan said the seizure involved 25 local vessels and one foreign vessel crewed by Myanmar nationals. He said 277 land and sea inspections were conducted, involving waters off Perak, Labuan, Pahang and Bintulu, Sarawak, using 23 marine assets. He said the operation would benefit traditional fishermen, allowing them to operate without violations or encroachment from Class B and Class C local fishing vessels, trawlers, *bubu naga* users and foreign fishing vessels. **Bernama**

28/2/2022

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

## Tanaman sayur secara fertigasi di hotel

**JELU:** Kesukaran untuk mendapatkan bekalan sayur-sayuran termasuk ulam-ulaman menjadi pencetus idea kepada seorang pengusah hotel menjalankan tanaman sayur-sayuran secara fertigasi di kawasan premis hotelnya itu.

Pengusaha Hotel Sri Klawang, Datuk SM Zulkifli SM Amin, 55, berkata, pihaknya memang mengalami kesukaran mendapatkan bekalan sayur di daerah ini bagi kegunaan bahagian dapur hotel, malah, terpaksa mencari hasil tani tersebut dari daerah Seremban.

"Idea untuk menjalankan tanaman secara fertigasi sejak dua minggu lalu ini bermula apabila kami sukar untuk mendapatkan bekalan sayur dan ulam kerana di hotel ini terdapat kafe bagi pengunjung dan tetamu yang datang menjamu selera.

"Jadi, saya mulakan kaedah



SM Zulkifli SM Amin menunjukkan projek tanaman sayur-sayuran menggunakan kaedah *Urban Farming Smart Fertigation Box* yang dijalankan di Hotel Sri Klawang, Jelebu. - UTUSAN/ZAKKINA WATIAHMAD TARMIZI

tanaman secara fertigasi dengan sistem 'Smart Fertigation Box' bagi memanfaatkan

ruang kosong yang terdapat di kawasan belakang hotel ini," katanya ketika ditemui *Utusan*

*Malaysia* di hotelnya yang terletak di Kuala Klawang, di sini semalam.

Menurut SM Zulkifli, projek pertanian secara moden itu dimulakannya dengan menanam sebanyak 200 polibeg tanaman cili padi, daun kesum, bayam Brazil dan pegaga.

"Buat masa ini, kami satu-satunya hotel yang menyahut cabaran bagi menggunakan kaedah tanaman secara fertigasi.

"Alhamdulillah, walaupun ia baharu dua minggu, namun, ada beberapa jenis sayur-sayuran dan ulam yang sudah mula menampakkan hasil," katanya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu turut mendapat bantuan daripada pihak Jabatan Pertanian dalam memastikan tanamannya itu diusahakan dan dijaga dengan kaedah yang betul.

"Disebabkan ini projek rintis, jadi banyak pihak yang datang melihatnya dan membantu memberikan khidmat nasihat," katanya.

<b>TARIKH</b>	<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
28/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

# Projek cili asnaf ditenggelami banjir

Oleh **TOREK SULONG**.  
 utusannews5@mediamulja.com.my

**PASIR PUTEH:** Seramai 20 peserta Program Penempatan Semula Asnaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) di Desa Alam Shah, Kampung Jenarrah, di sini kerugian lebih RM200,000 apabila kebun cili mereka ditenggelami air sejak tiga hari lalu.

Mereka merupakan peserta ladang kontrak penanaman cili kulai secara fertigasi seluas tiga hektar di bawah kendalian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bukit Awang untuk dibekalkan kepada Nestle (M) Bhd.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penyelia penempatan itu, Wan Muhd. Isamuddin Wan Othman berkata, bulan ini, sudah dua kali musibah bencana alam menimpa para peserta pro-



**SEORANG** petani asnaf menunjukkan polibeg mengandungi anak pokok cili yang rosak ditenggelami air di Desa Alam Shah, Kampung Jenarrah, Pasir Puteh, semalam. - **UTUSAN/TOREK SULONG**

gram tersebut.

Menurutnya, pada 16 Februari lalu, kawasan itu ditenggelami

air banjir kilat dan menjejaskan kebun milik 11 peserta.

"Kali ini, sebanyak 24,000

polibeg mengandungi anak pokok cili berusia tiga minggu ditenggelami air banjir. Bah di

huar jangkakan kali ini memusnahkan semua anak bembih, bahan medium tanaman serta baja.

"Peserta menggunakan wang tabungan bagi menampung kos pengurusan penanaman teruk terkesan apabila dua kali ditimpa musibah dalam tempoh dua minggu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mengulas lanjut, Wan Muhd. Isamuddin berkata, kejadian itu sudah dimaklumkan kepada Maik dan PPK Bukit Awang untuk tindakan lanjut termasuk penyaluran bantuan bagi meredakan beban para peserta.

Menurutnya, sekiranya tidak ditimpa musibah dan program itu berjalan lancar, hasil tuai cili dijangka mencecah RM240,000 semusim, sekali gus menjana pendapatan purata sebanyak RM1,200 sebulan bagi setiap peserta.

## Angkasa kerjasama ternak biri-biri

**TEMERLOH** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) akan bekerjasama dengan Biovet International Sdn. Bhd. (Biovet) sebagai rakan kongsi strategik dalam industri ternakan biri-biri di negara ini.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah itu signifikan memandangkan permintaan daging kambing segar terlalu tinggi sedangkan negara masih bergantung kepada sumber import produk makanan yang mencecah sehingga RM55.5 bilion.

"Pada peringkat awal, tiga buah koperasi akan bersama Biovet dalam usaha menambah produk ini di pasaran sekali gus membantu kerajaan kurangkan kos import produk ternakan.

"Ini salah satu usaha bagi tingkatan penghehwaran produk tempatan dan kurangkan bekalan import," katanya pada Majlis Pengerahan Ternakan Biovet di Ibu Pejabat Biovet, Kampung Baru Kuala Tekal di sini semalam.

Menurut Fattah, koperasi yang



**ABDUL FATTAH (kanan) bersama Syed Naufal (dua dari kanan) melihat kambing biri-biri yang diternak oleh Biovet di Kampung Baru Kuala Tekal, Temerloh semalam.**

terlibat ialah Koperasi Bimbingan Ihsan Temerloh Berhad, Koperasi Guru-Guru Lepasan Maktab Temerloh Berhad dan Koperasi Keluarga Haji Moha Ilyas.

Ujar beliau, ia adalah projek pertama Angkasa bersama Biovet dan pihaknya akan terus meneliti serta mengkaji cadangan sebagai rakan kongsi strategik untuk projek ternakan lain.

Ujarnya, projek ini bakal membuka ruang perniagaan kepada prospek yang lebih besar.

## KPDNHEP siasat telur, ayam kurang di Kota Tinggi

**JOHOR BAHRU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menyiasat aduan orang ramai berhubung isu kekurangan bekalan telur dan ayam di Kota Tinggi baru-baru ini.

"Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPDNHEP, Datin Roszanina Wahab berkata, siasatan akan dibuat khususnya bagi mengenal pasti punca masalah kekurangan bekalan itu berlaku.

"Berdasarkan rekod, setakat ini tiada masalah melibatkan bekalan telur dan ayam di Johor sehingga Jun ini dimana bekalannya cukup dan terjamin, namun begitu kita akan lakukan siasatan terhadap aduan kekurangannya bekalan termasuk pemeriksaan harga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita selepas me-

lakukan tinjauan Program Jualan Keluarga Malaysia, Parlimen Johor Bahru di Pangsapuri Desa Dato' Hajah Hasnah, Kampung Tok Siak di sini semalam. Turut hadir, Pengarah KPDNHEP Johor, Mohd. Hairul Anuar Bohro.

Sementara itu, berhubung program berkenaan, Roszanina memberitahu, ia dilaksanakan di 126 lokasi seluruh Johor dalam usaha membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup ekoran kenaikan harga barang keperluan harian baru-baru ini.

"Program ini telah berjaya menarik kehadiran seramai lebih 150,000 orang dengan jumlah jualan mencecah RM2.3 juta bagi negeri Johor sahaja.

"Rata-rata pengunjung menyambut baik dan meminta program ini dilaksanakan secara berkala kerana harga yang ditawarkan adalah berpatutan dan dapat meringankan beban kos pembelian," ujarnya.



## Bekalan ayam, telur kurang

**Johor Bahru:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor akan menyasat aduan pengguna berkaitan kekurangan bekalan telur dan ayam Kota Tinggi, dekat sini, sejak dua minggu lalu.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPDNHEP, Datin Roszainah Wahab berkata, bahagian penguatkuasaan akan melakukan pemeriksaan bagi mengenal pasti punca masalah berkenaan.

Beliau berkata, sepatutnya bekalan telur dan ayam tiada masalah di Johor sehingga jun ini kerana dijamin mencukupi.

"Namun begitu kita akan lakukan siasatan berkaitan aduan itu termasuk pemeriksaan harga," katanya ke-

### INFO

Setakat ini pengusung yang membanting PKJM di Johor melebihi 150,000 orang dengan jumlah jualan mencecah RM2.3 juta.

pada pemberita selepas melakukan tinjauan Program Jualan Keluarga Malaysia (PKJM) Parlimen Johor Bahru di Pangsapuri Desa Dato' Hajah Hasnah, Kampung Tok Siak di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah KPDNHEP Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro.

Sementara itu, berkaitan PKJM, beliau berkata, program itu dilaksanakan di 126 lokasi di semua 26 kawasan Parlimen di negeri ini dalam

usaha membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup susulan kenaikan harga barang keperluan harian.

Beliau berkata, setakat ini pengusung yang membanting PKJM di negeri ini melebihi 150,000 orang dengan jumlah jualan mencecah RM2.3 juta.

"Daripada maklum balas yang diterima rata-rata pengusung menyambut baik dan meminta PKJM ini dilaksanakan secara berkala dan mengakui bahawa harga yang ditawarkan dapat meringankan bebanan kos pembelian barangan keperluan harian dalam situasi hari ini," katanya.

Beliau mengingatkan semua peniaga PKJM supaya sentiasa beretika, mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.



ROSZAININA (dua dari kiri) melakukan tinjauan di Program Jualan Keluarga Malaysia (PKJM) Parlimen Johor Bahru di Pangsapuri Desa Dato' Hajah Hasnah, Kampung Tok Siak, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2022	THE STAR	MUKA DEPAN	1



**Green thumb**  
Hiew Jia Hua, 40, watering plants at the urban farm at Anjung Kelana transit centre for the homeless in Taman Desa, Kuala Lumpur. — SHAARI CHE MAT/The Star